

08 AUG 1996

## PENTADBIR SEKTOR SWASTA PERLU ADA CITA RASA TINGGI TERHADAP B.MELAYU

Oleh: NIK SAFIAH KARIM

(Artikel Kedua bersempena Perlaksanaan Program Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta, 1996-1998)

Artikel berikut disediakan Urus Setia Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta, DBP, untuk siaran esok, 8 Ogos.

KUALA LUMPUR: Agenda pembangunan negara Malaysia telah ditetapkan melalui konsep Wawasan 2020. Malaysia sedang dirancang untuk menjadi negara maju melalui pembangunan yang berasaskan sains dan teknologi, dengan matlamat akhir untuk menjadi Malaysia sebuah negara industri.

Kata Dr. Mahathir Mohamad sewaktu memperkenalkan konsep Wawasan 2020:

"Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu padu, dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjang oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak ansor, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur, dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan."

Sudah banyak diperkatakan tentang Wawasan 2020 ini. Dalam konteks makalah ini, hanya satu aspek yang akan disentuh, iaitu peranan dan kedudukan bahasa Melayu.

Jika dilihat dalam konteks pembangunan Malaysia, kedudukan dan fungsi bahasa Melayu amat jelas. Bahasa Melayu ialah bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa perhubungan warganegaranya.

Pada umumnya tugas ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh bahasa Melayu. Bahasa Melayu berjaya sebagai bahasa rasmi, bahasa pengantar di institusi-institusi pengajian (baik rendah mahupun tinggi), menjadi bahasa perhubungan rakyat, dan telahpun dimulakan penggunaannya secara menggalakkan di sektor undang-undang dan kehakiman dan di sana sini di sektor swasta.

Dalam konteks kejayaan yang dicapai dengan baiknya oleh bahasa Melayu dalam sektor awam, makalah ini akan membuat tinjauan sepintas lalu terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam sektor swasta, khususnya dalam bidang pentadbiran dan pengurusan industri.

Bolehkah bahasa Melayu berfungsi dalam bidang industri?

Soalan ini dapat dijawab dengan senang saja, iaitu "boleh". Tetapi jika diubah sedikit bentuk soalan itu menjadi, "Bolehkah semua pihak yang terlibat dalam bidang industri menggunakan bahasa Melayu dalam pentadbiran dan pengurusan?", maka mungkin jawapannya tidak begitu senang dijawab. Hal ini demikian kerana masih banyak orang yang, kerana terlatih di luar negara, atau kurang pendedahan kepada perkembangan bahasa Melayu, atau kerana lebih biasa dengan bahasa Inggeris tidak dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Golongan ini lebih mesra dengan gaya bahasa Inggeris, bahkan bermimpi pun dalam bahasa Inggeris.

Yang jelas ialah bahawa bahasa Melayu mampu digunakan dan telah pun dimulakan penggunaannya dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di sektor industri. Walau bagaimanapun, penggunaannya belum dapat dianggap memuaskan dan perlu dipupuk secara sedar.

Kajian kes Hicom Holdings Berhad:

Satu tinjauan umum telah dibuat terhadap Hicom Holdings Berhad dalam usaha untuk melihat bagaimanakah peranan bahasa Melayu dalam pengembangan dan pemindahan teknologi. Kajian ini belum lagi selesai dan apa-apa yang dibincangkan dalam makalah ini merupakan dapatan-dapatan awal sahaja.

Pada asasnya Hicom Holdings Berhad seboleh mungkin berusaha untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pengurusan dan pentadbiran. Dalam surat pekeliling dan memo, dalam surat panggilan mesyuarat dan minit mesyuarat, bahasa Melayu digunakan. Laporan Tahunan disediakan dalam dua bahasa dan Berita Hicom pun disusun dalam dua bahasa.

Tetapi, oleh sebab kehadiran warga asing dan pegawai serta kakitangan yang mendapat pendidikan di luar negara, penggunaan bahasa Inggeris juga tinggi. Perbincangan, terutama berkaitan dengan aspek-aspek teknikal bersifat campuran Inggeris-Melayu dan kadang-kadang lebih banyak bahasa Inggeris. Tetapi bahasa Melayu digunakan jika bercakap dengan kakitangan peringkat rendah (yang berpendidikan dalam negara) dan antara kakitangan peringkat menengah dan rendah sesama sendiri.

Jikalau manual digunakan, bahasa asal (bahasa Inggeris) dikekalkan, kecuali untuk kegunaan mereka yang tidak fasih berbahasa Inggeris.

Oleh sebab terdapat hubungan dengan dunia luar secara langsung (dalam aspek perdagangan luar) beberapa pihak tertentu, seperti setiausaha dan kerani, berasa perlu menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Terdapat permintaan, misalnya, untuk mengadakan kelas bahasa Inggeris, tetapi tiada permintaan untuk kelas bahasa Melayu.

Daripada tinjauan awal ini, dapatlah dibuat dua kesimpulan:

1) sejauh mana bahasa Melayu digunakan bergantung pada sikap pucuk pimpinan. Golongan yang paling kanan, misalnya Ahli-ahli Lembaga yang terdidik dalam bahasa Inggeris, akan lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam mesyuarat, ucapan dan sebagainya, dengan demikian, mereka seolah-olah mencorakkan dasar penggunaan bahasa di firma masing-masing.

2) Terdapat usaha jelas untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pentadbiran dan pengurusan harian. Tetapi sikap yang dipegang agak liberal. Bahasa Inggeris dibenarkan dalam mana-mana situasi, terutama oleh mereka yang belum menguasai bahasa Melayu. Dasar kerajaan kini yang memberikan tekanan kepada bahasa Inggeris tidak membantu usaha meningkatkan penggunaan bahasa Melayu.

Membina Citra Bahasa Melayu dalam Pentadbiran dan Pengurusan Industri

Yang perlu disedari ialah bahasa Melayu tidak akan hilang atau tenggelam dalam bidang industri di Malaysia. Hal ini demikian kerana terdapat sejumlah besar pekerja di sektor industri yang akan menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan sehari-hari dan dalam perbincangan yang berkaitan dengan industri yang diceburi oleh mereka. Mereka terdiri daripada pekerja-pekerja yang mendapat pendidikan dalam negara dan lebih selesa berbahasa Melayu. Mereka dapat memahami bahasa Inggeris, dalam apa bentuk sekalipun, tetapi dalam kehidupan sehari-hari bahasa Melayu lebih dekat dengan hati mereka.

Bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu oleh golongan ini tidak dalam bentuk yang canggih seperti yang digunakan untuk mengungkapkan ilmu pengetahuan terutama bidang sains dan teknologi. Sebaliknya, bentuk bahasa yang lazim digunakan oleh golongan ini bersifat sederhana dan sebahagian besarnya dalam bentuk lisan dan basahan.

Oleh itu, usaha patut difikirkan untuk mencari jalan bagi menjadikan bahasa Melayu saluran maklumat teknologi dalam industri. Dua pihak harus menjadi sasaran.

Pertama ialah pucuk pimpinan. Kita hendaklah melahirkan golongan pentadbir yang di sebalik penguasaan bahasa Inggeris yang baik juga

mempunyai cita rasa yang tinggi terhadap bahasa Melayu. Mereka akan menggunakan bahasa Inggeris pada tempat dan ketika yang perlu, tetapi akan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antara kakitangan institusi mereka terutama dalam soal perpindahan teknologi.

Kedua ialah sikap kakitangan pada semua peringkat. Di sebalik kesedaran bahawa bahasa Inggeris penting bagi situasi-situasi tertentu, kita hendaklah melahirkan warganegara yang mempunyai perasaan megah dan bangga apabila menggunakan bahasa kebangsaan. Sikap terhadap bahasa Inggeris hendaklah berbentuk sikap utiliti yang ada pada bahasa tersebut. Kita belajar bahasa Inggeris kerana kita sedar tentang peranan bahasa tersebut dan manfaat yang dapat kita peroleh melalui penguasaannya. Pendekatan kita pendekatan pragmatis.

Sebaliknya, sikap kita terhadap bahasa kebangsaan haruslah dikaitkan dengan perasaan cinta akan negara dan bangga dengan kepunyaan sendiri, iaitu bahasa kebangsaan sendiri. Daripada sikap sedemikian akan lahir tindakan dan usaha untuk menghormati bahasa kebangsaan pada setiap waktu dan ketika. Akan berkuranglah peristiwa penggunaan bahasa Inggeris mengambil alih penggunaan bahasa kebangsaan dengan sewenang-wenangnya.

Hal ini hanya dapat dicapai melalui sistem pendidikan yang rasional dan bertujuan membina bangsa yang berakar umbi tradisi sendiri.

Sikap yang harus dipegang ialah bahasa Inggeris penting sebagai bahasa untuk perhubungan dunia luar, tetapi bahasa kebangsaan ialah lambang jati diri bangsa.

Dalam konteks pentadbiran dan pengurusan industri, banyak situasi yang boleh memberikan manifestasi rasa bangga terhadap lambang jati diri ini.

Tetapi, untuk merealisasikan keadaan ini, usaha perlu datang daripada semua pihak, baik pihak pengurusan mahupun golongan pekerja.

Yang menjadi pengaruh besar juga ialah sikap pucuk pimpinan.

Mereka yang akan memberi isyarat dan secara tidak langsung mencorakkan tahap kemajuan bahasa Melayu dan sekaligus masa depan bahasa Melayu dalam sektor swasta. -- Bernama